



# KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

## **TAMBAHAN MASA PENGHANTARAN BORANG B, BT, M & MT MENGGUNAKAN KAEDAH e-FILING**

Cyberjaya, 30 Jun – Sukacita dimaklumkan bahawa, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bersetuju memberikan tambahan masa kepada individu yang mempunyai pendapatan daripada punca perniagaan untuk menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) tahun taksiran 2013 (Borang B, BT, M dan MT) serta membuat bayaran baki cukai yang kena dibayar oleh mereka selewat-lewatnya pada 15 Julai 2014. **Namun demikian, tambahan masa ini hanya terpakai sekiranya pembayar cukai menggunakan kaedah e-Filing dalam menghantar BNCP tersebut.**

Bagi pembayar cukai yang memilih untuk menggunakan kaedah penghantaran BNCP melalui borang kertas, tarikh akhir penghantarannya adalah kekal pada 30 Jun 2014.

Sehubungan itu, bagi membantu pembayar cukai yang mempunyai punca pendapatan daripada perniagaan ini menghantar BNCP mereka dalam tempoh yang telah ditetapkan, LHDNM akan mengeluarkan e-mel peringatan

Kenyataan Media LHDNM, 30 Jun 2014

kepada mereka mulai esok (1 Julai 2014). e-mel peringatan ini akan menggunakan alamat e-mel **no\_reply@hasil.gov.my** dan akan ditujukan kepada pembayar cukai yang telah memulakan prosedur pengisian BNCP mereka menggunakan e-Filing namun masih belum mengambil tindakan melengkapkan serta menghantarkannya ke LHDNM.

Mengikut rekod, sehingga tarikh 29 Jun 2014 sebanyak 280,377 Borang B tahun taksiran 2013 telah diterima melalui kaedah e-Filing. Angka ini menunjukkan peningkatan 10.94 % berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas iaitu hanya sebanyak 252,725 borang. Peningkatan yang memberangsangkan ini turut disumbangkan oleh prosedur pengisian e-Filing yang telah dipermudahkan selain daripada kesedaran yang tinggi di kalangan pembayar cukai sendiri.

Sebarang maklumat lanjut sila layari portal rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) atau hubungi Pusat Panggilan kami di talian 1-800-88-5436.

###

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

Dikeluarkan oleh:

**Masrun Bin Maslim | Pegawai Perhubungan Awam (Media)**

**Bahagian Komunikasi Korporat | Jabatan Khidmat Korporat | Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 019-222 0034 | 03-8313 8888 samb. 21326 / 21354 | 📠 : 03-8313 7836

Pusat Panggilan : 1-800-88-5436 (LHDN) | Laman Web : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh : 30 Jun 2014**

Kenyataan Media LHDNM, 30 Jun 2014

**Nota:**

**e-B:** Borang Nyata Cukai Pendapatan (Elektronik) Individu Pemastautin Yang Menjalankan Perniagaan

**e-BT:** Borang Nyata Cukai Pendapatan (Elektronik) Individu Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan / Berkepakaran) Yang Menjalankan Perniagaan

**e-M:** Borang Nyata Cukai Pendapatan (Elektronik) Individu Bukan Pemastautin Yang Menjalankan Perniagaan

**e-MT:** Borang Nyata Cukai Pendapatan (Elektronik) Individu Bukan Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan) Yang Menjalankan Perniagaan